



12 AUG, 2026

Kerajaan lulus projek tenaga boleh baharu RM4.3 bilion

Kosmo, Malaysia




Kerajaan lulus projek tenaga boleh baharu RM4.3 bilion

KUALA LUMPUR – Kerajaan telah meluluskan 42 permohonan projek tenaga boleh baharu (TBB) berkapasiti 331.36 megawatt (MW) menerusi e-bidaan Feed-in Tariff (FIT) 2026, yang dijangka memangkin pelaburan bernilai RM4.3 bilion.

Menteri Ekonomi, Akmal Nasrullah Mohd. Nasir berkata, ia merangkumi 16 projek biogas dengan kapasiti 26.19 MW, 11 projek biojisim dengan kapasiti 135.94 MW dan 15 projek hidrokuasa kecil berkapasiti 169.23 MW.

“Projek-projek FIT yang diluluskan dijangka menjadi pemangkin kepada pelaburan bernilai sekitar RM4.3 bilion, serta menjana permintaan sekitar RM617 juta untuk enjin danandang gas buatan tempatan.

“Pelaksanaannya juga dijangka mewujudkan sekitar 7,738 peluang pekerjaan. Inilah hasil yang kita inginkan; lebih banyak tenaga boleh diperbaharui, ran-



AKMAL (dua dari kanan) melawat pameran daripada pelbagai pemain dalam industri tenaga bersempena Persidangan Tenaga Lestari Antarabangsa di Kuala Lumpur semalam.

taian bekalan domestik yang lebih kukuh, pelaburan yang lebih besar serta nilai ekonomi yang

ketara untuk negara,” katanya. Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan

perasmian Persidangan Tenaga Lestari Antarabangsa Ke-7 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur

semalam, yang dianjurkan oleh Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) Malaysia.

Bertemakan memacu Tenaga Lestari Merentasi Sempadan, persidangan dua hari itu menyatukan penggubal dasar, peneraju industri, pelabur, penyelidik dan pakar tenaga dari seluruh ASEAN bagi memperkukuh kerjasama rentas sempadan dan mempercepat peralihan rantau ini ke arah masa depan tenaga lebih bersih.

FIT adalah mekanisme untuk menggalakkan penghasilan elektrik daripada TBB seperti solar, biogas, biojisim dan hidrokuasa kecil, ditadbir oleh SEDA Malaysia.

Pemegang kelulusan FIT boleh menjual tenaga elektrik yang dijana kepada Pemegang Lesen.

Pengagihan pada kadar tarif yang ditetapkan, memberikan kepastian pendapatan kepada pengusaha.